

25/09/1997

Kurang bekalan punca harga ikan, sayur naik

KUALA LUMPUR, Rabu - Harga ikan dan sayur di beberapa pasar di sekitar Lembah Klang meningkat antara 50 sen hingga RM2, berikutan kekurangan bekalan yang dikatakan akibat keadaan berjerebu.

Kenaikan itu menyebabkan orang ramai resah kerana terpaksa membelanjakan wang lebih berbanding sebelum ini.

Tinjauan di Pasar Chow Kit hari ini mendapati harga ikan merah dijual dengan harga RM9.50 sekilogram berbanding RM9 minggu lalu, kembung di antara RM8 dan RM9 (RM7), cencaru RM4 (RM3.50). Bagaimanapun, harga ikan tenggiri kekal RM9.

Harga kangkung pula dijual pada harga RM3 sekilogram berbanding RM2.50 minggu lalu, timun RM2.50 (RM1.80), kobis RM2.50 (RM2) dan cili merah RM4 (RM3).

Pengerusi Persatuan Penjaja Kawasan Chow Kit, Lee Chick King, berkata penjaja terpaksa menaikkan harga barangan berikutan hasil tangkapan yang semakin berkurangan sekarang akibat jerebu.

Menurutnya, keadaan itu tidak dapat dielak kerana harga pasaran tertakluk kepada penawaran dan permintaan. Peniaga makanan pula memberi alasan harga barangan basah di pasar yang tinggi menyebabkan mereka terpaksa menaikkan harga.

Ketika ditanya mengenai kenaikan harga berkenaan, peniaga di pasar menyifatkan kenaikan itu mungkin disebabkan nelayan tidak dapat ke laut berikutan jerebu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, sebelum ini memberi jaminan kementeriannya akan memastikan barangan keperluan utama, tidak dinaikkan harga dalam keadaan jerebu sekarang.

Menurutnya, langkah itu selaras kehendak mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Jerebu yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Gabungan Persatuan Pengguna Kebangsaan (Fomca) meminta kerajaan mengambil tindakan lebih tegas memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan ketika negara menghadapi masalah jerebu.

Presidennya, Prof Hamdan Adnan, berkata Fomca menerima aduan daripada orang ramai mendakwa mereka terpaksa membayar harga mahal bagi makanan berbanding sebelum ini.

(END)